

11/02/1997

Sikap pemandu punca plaza tol sesak

SEREMBAN, Isnin - Peningkatan bilangan kenderaan dari arah Kuala Lumpur ke Plaza Tol Seremban dan Port Dickson di sini pagi ini, menyebabkan sesetengah pemandu tidak mematuhi peraturan jalan raya.

Plaza Tol Seremban sesak kira-kira dua jam mulai jam 11 pagi apabila kenderaan yang menunggu untuk membayar tol berbaris sejauh kira-kira tiga kilometer.

Keadaan itu menyebabkan kenderaan yang tidak masuk ke plaza tol itu turut bergerak perlahan sejauh kira-kira empat kilometer hingga selepas Plaza Tol Dickson.

Plaza Tol Port Dickson turut sesak akibat bilangan kenderaan yang hendak masuk ke plaza tol itu terlalu banyak.

Sesetengah pemandu yang tidak sabar kerana terpaksa memandu perlahan, mengambil jalan mudah dengan memotong kenderaan lain menggunakan lorong kecemasan walaupun perbuatan itu menyalahi peraturan jalan raya.

Mengikut Akta Pengangkutan Jalan 1987, pemandu yang menggunakan lorong kecemasan boleh dikenakan kompaun maksimum RM300.

Perbuatan pemandu terbabit yang tidak sabar membuktikan kenyataan Perdana Menteri yang kesal dengan sikap sesetengah pengguna jalan raya yang tidak mematuhi peraturan.

Semalam, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kerajaan tidak boleh berbuat apa-apa lagi jika pengguna jalan raya, terutama penunggang motosikal masih enggan mematuhi peraturan jalan raya.

Seorang pemandu kereta, Mohd Kamal Ibrahim, 36, ketika ditemui berhenti di Plaza Tol Port Dickson berkata, walaupun tidak ada anggota polis trafik bertugas ketika itu, pemandu terbabit tidak wajar mengikut perasaan menggunakan lorong kecemasan.

"Pengguna jalan raya tidak sepatutnya hanya mematuhi peraturan jalan raya apabila ada anggota polis trafik bertugas."

"Perbuatan mereka hanya menyebabkan kesesakan bertambah buruk dan mengganggu pemandu lain," katanya yang hendak ke pantai peranginan Port Dickson.

Kesesakan di Plaza Tol Seremban dipercayai kerana ramai pemandu yang hendak pulang ke kampung di negeri ini, manakala ramai yang bercuti dan berkelah di Port Dickson menyebabkan Plaza Tol Port Dickson sesak.

(END)